

|            |                                      |             |                     |
|------------|--------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Pastikan rakyat miliki rumah sendiri |             |                     |
| MediaTitle | Mingguan Sarawak                     |             |                     |
| Date       | 31 May 2015                          | Color       | Black/white         |
| Section    | Tempatan                             | Circulation | 37,981              |
| Page No    | 9                                    | Readership  | 113,943             |
| Language   | Malay                                | ArticleSize | 578 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                  | AdValue     | RM 1,314            |
| Frequency  | Daily (EM)                           | PR Value    | RM 3,942            |



# Sarawak sasar bina lebih 30,000 rumah mampu milik dalam RMK11

## Pastikan rakyat miliki rumah sendiri

KUCHING, Sabtu — Kerajaan negeri memohon 20,742 unit rumah mampu milik dibina di Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) dalam usaha kerajaan menyediakan kediaman untuk orang ramai, kata Menteri Pelancongan dan Perumahan Sarawak Datuk Amar Haji Abang Johari Tun Abang Openg.

Beliau berkata dalam tempoh yang sama sebanyak 12,222 unit rumah mampu milik dirancang untuk dibangunkan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini di samping 5,012 unit rumah yang dibina khusus untuk disewa. Katanya ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga rumah yang adakalanya secara mendadak dan tidak munasabah, sehingga menimbulkan rungutan orang ramai.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di Muara Tebas, kira-kira 30km dari sini, beliau berkata walaupun kerajaan tidak dapat memaksa pemaju menurunkan harga rumah, namun kerajaan boleh campur tangan dalam pelbagai cara khusus untuk menangani masalah tersebut.

Katanya satu daripada cara praktikal adalah dengan membanyakkan lagi penawaran rumah mampu milik buat orang ramai, termasuk mewujudkan pelbagai peraturan untuk dipatuhi pemaju swasta.

Menurut laporan RMK11 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat pada 21 Mei lepas, sebanyak 606,000 buah

rumah akan dibina untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara sebagai usaha meningkatkan akses rakyat kepada perumahan mampu milik yang berkualiti.

Selaras dengan hasrat itu kerajaan akan meneruskan program-program sedia ada yang telah berjaya dalam memenuhi keperluan perumahan untuk golongan sasar, yang merangkumi antaranya RMR1M, PPR, Program Bantuan Perumahan (PBR) untuk golongan miskin, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), serta program-program perumahan untuk generasi kedua peneroka Felda dan Felcra.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Abang Johari berkata sehingga kini lebih 890 unit

rumah di bawah program RMR1M oleh Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) yang memberi fokus kepada keperluan rumah bagi yang berpendapatan antara RM1,500 dan RM3,000 sebulan, telah dibangunkan di Sarawak.

"Kami di Sarawak insyaAllah akan pertahankan kedudukan kami, sekaligus akan akan menguatkan kepimpinan Kuala Lumpur (negara). Apabila dah kuat, janganlah pula lupa dengan kami di Sarawak, jadi inilah cara kita.

"Di bawah kepimpinan Datuk Patinggi (Perdana Menteri Datuk Seri) Najib (Tun Razak), kita akan berikan penekanan kepada kemajuan di Sarawak. Datuk Patinggi Najib sudah beri kita Pan-Borneo (lebuh raya), dah beri BR1M, dah beri banyak peruntukan termasuk menerusi SPNB ini, jadi kita balaslah budi orang," katanya. — Bernama



**MENTERI** Perumahan dan Pelancongan Sarawak Datuk Amar Abang Johari Tun Openg menunjukkan harga rumah yang tertera di sepanduk pada pelancaran Projek Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia Muara Tebas, Kuching semalam. Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (dua, kiri), Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad (dua, kanan), Ahli Dewan Undangan Negeri N.5 Demak Laut, Dr Hazland Abang Hipni dan Datuk Dr Haji Abdul Rauf Abang Haji Zen. Sementara itu gambar sebelah kanan menunjukkan para pemilik rumah melihat kawasan rumah mereka yang bakal dibangunkan pada pelancaran Projek Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia Muara Tebas. • Bernama